

Kes tibi meningkat 13 peratus

LANGKAWI – Negara mencatatkan peningkatan kes penyakit tuberkulosis (tibi) sebanyak 13 peratus sehingga 4 Jun lalu berbanding tempoh sama tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, namun jika dibandingkan pada 2019 sebelum pandemik Covid-19, peratusan itu menurun 11 peratus dengan 9,474 kes direkodkan tahun ini.

“Bagaimanapun, jumlah kes tibi yang dilaporkan masih belum mencapai sasaran seperti yang dianggarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanyak 29,000 hingga 30,000 setahun.

“Sehubungan itu, aktiviti pengesanan kes tibi perlu dipertingkatkan dengan memperkuatkan saringan golongan berisiko tinggi terutama dalam

kalangan kontak kepada indeks kes tibi,” katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 Dan Pelancaran Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di Telaga Walk, Jalan Pantai Chenang, di sini semalam.

Ujarnya, saringan tibi turut dibuat dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit HIV, diabetes (kencing manis) dan penghuni pusat tahanan seperti yang dilakukan di Pusat Tahanan Imigresen di Belantik, Sik.

Beliau menyeru orang ramai yang mempunyai simptom penyakit tibi seperti batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat

badan dan batuk berdarah untuk segera menjalani pemeriksaan dan rawatan di klinik kesihatan dan hospital berhampiran.

Dalam majlis sama, beliau turut menyatakan kementerianya akan mempertingkatkan usaha dalam mengekang penularan subvarian baharu Omicron iaitu varian BA.4 dan BA.5.

“Jadi kita sentiasa menasihati rakyat untuk mengikuti prosedur operasi standard sedia ada seperti memakai pelitup muka terutamanya di tempat sesak dan di dalam premis serta melakukan sanitasi dengan kerap,” ujarnya.

Media melaporkan Malaysia mengesan dua kes membabitkan subvarian Omicron BA.5 dan satu jangkitan BA.4 yang merupakan kes pertama membabitkan penularan varian itu di negara ini.



DR. NOOR AZMI (dua dari kanan) menyerahkan buku *Garis Panduan Kawalan Tibi* di Depot Tahanan Imigresen di Telaga Walk, Langkawi semalam.